

## Declaration

I hereby:

1. Apply for the Hong Leong Personal Loan/Personal Loan Consolidation/Personal Loan Top Up/Personal Loan Consolidation Top Up ("Facility") as elected in this application form;
2. Declare and confirm that I clearly understand that the completed application form, signed, copied and faxed or scanned to Hong Leong Bank Berhad ("the Bank") for the application of the Facility will be considered as the original form for verification and disbursement and shall constitute my acceptance of the Facility, if approved by the Bank. Notwithstanding the aforementioned, I MUST submit the original executed and completed application form, and deliver it to the Bank promptly upon request. The approved Facility that has been disbursed in accordance with my instructions for disbursement as specified in my application for the Facility shall constitute my receipt of the Facility and shall be subject to the Terms and Conditions. For the avoidance of doubt, in the event that the approved Facility is equal to the Loan Amount in Part A of this application form, the Bank is hereby authorised to disburse the Facility without further notice to me. I understand that my digital signature captured on the electronic device(s) used by the Bank is encrypted and will be used for the sole purpose of the Facility application. By affixing my digital signature on the e-application, I accept and agree to be bound by the terms and conditions and/or any other terms and conditions imposed by the Bank from time to time relating to the Facility.
3. Declare that all information furnished to the Bank are complete, true and correct and will immediately inform the Bank of any changes to the same and authorize the Bank to verify and obtain any other information required from any sources including but not limited to CCRIS, FIS, CTOS or any credit reference agency, Inland Revenue Authorities or any authorities and by whatever means and at any time as the Bank considers appropriate;
4. Declare that I have fully disclosed to the Bank all of my outstanding financing facilities with all financial service providers including non-financial entities. Any inaccuracy or misrepresentation provided by me in the aforesaid information shall not attribute to the Bank's failure to adhere to Bank Negara Malaysia (BNM) guidelines. The Bank reserves the right to review, cancel and/or terminate the Facility granted to me due to the inaccuracy in the information or misrepresentation provided by me, at any time at the Bank's discretion and I shall bear all losses and charges incurred arising from such untrue, incomplete and/or inaccurate information;
5. Irrevocably authorize and permit the Bank, its officers and employees to disclose and furnish all my information concerning the Facility, this application, present and future accounts and any other matters relating to me or my business and operations to:
  - a. Other financial institutions granting or intending to grant any credit facilities to me, the Credit Bureau or any other central credit bureau established by BNM, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, any other relevant authorities/agencies established by the Association of Banks in Malaysia;
  - b. Any current or future corporation which may be associated or related with the Bank (as defined in the Companies Act 2016), including representative and branch offices and their respective representatives as well as subsidiaries of the Bank's holding company;
  - c. The security party or any party intending to provide security in respect of the Facility;
  - d. The Bank's auditors, solicitors and/or other agents in connection with the recovery of moneys due and payable hereunder; and
  - e. The Bank's professional advisers, service providers, nominees, agents, contractors or third party service providers who are involved in the provision of products and services to or by the Bank and its related or associated companies.

I hereby irrevocably consent to such disclosure and confirm that the Bank, its officers and employees shall be under no liability for furnishing such information or for the consequences of any reliance which may be placed on the information so furnished in accordance with the Terms and Conditions.

6. Declare that I am not in default on any accounts with the Bank or other financial institutions and further authorize the Bank to discuss with the relevant financial institution(s) regarding any late payment history;
7. Declare that I am not a bankrupt, that no act of bankruptcy has been committed by me and there are no prosecution or bankruptcy proceedings pending, instituted or order obtained against me;

8. Confirm and understand that the Bank reserves the right to decline an application without giving any reasons;
9. Declare that I understand that my application for the Facility shall be subject to the Terms and Conditions, a copy of which has been made available to me and which is also available at the Bank's website at [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my), and that I have read and understood the Terms and Conditions and agree to be bound by the same;
10. Understand that the Bank reserves the right to vary the Prescribed Interest Rate which is subject to final decision by the Bank. I also understand that the Final Prescribed Interest Rate will be notified to me prior to the disbursement of the Facility to my account as specified in this application;
11. Understand and agree that the Bank may approve the Facility for an amount or tenure that is lower than what I have applied for;
12. Agree and authorize the Bank to deduct the stamp duties payable on the Facility and any other fees and charges applicable to the Facility before paying the balance of the approved Facility amount using the disbursement method as selected by me in this application;
13. Undertake to pay to the Bank on the due date, the monthly instalments based on the Facility amount granted and at the Prescribed Interest Rate stated in the Bank's Repayment Schedule to be sent to me, as well as any other fees and charges applicable under the Terms and Conditions;
14. Declare and confirm that the details of account(s) specified in the Disbursement Details of this application for the receipt of the Facility Amount is my personal account and if the information furnished herein is incorrect/inaccurate leading to an error in Facility disbursement or any matter related thereto, I shall accept responsibility for the same and indemnify the Bank for its losses and charges;
15. Acknowledge that in the event the financing tenure extends into my retirement age, I am aware that it is my responsibility to ensure that I have a retirement plan to adequately cater for the financing payments accordingly;
16. Acknowledge and agree that this application, the Terms and Conditions, the Bank's Repayment Schedule and all other documents issued by the Bank in connection with the Facility shall form and be construed as a single agreement entered by me with the Bank; Understand and agree that if an Event of Default (as provided under Clause 11 of the Terms and Conditions) occurs:
  - a. The Bank is entitled to take such action (whether on its own accord or through its agent(s)) as may be appropriate against me for the recovery of all sums due and outstanding under the Facility and/or sell my account, in the event the my account has been classified as delinquent or impaired by the Bank, to such third party as the Bank deems fit in its sole and absolute discretion; and
  - b. If i fail, neglect and/or omit to respond to notices and/or communications issued by the Bank in relation to my default under the Facility in accordance with the Terms and Conditions, I hereby agree and consent to the Bank, its employees, its representatives and/or its agent(s) visiting any location known to the Bank where I may be present, including but not limited to my residence and/or place of work/business as the Bank shall deem necessary and appropriate for the purpose of preserving and/or enforcing the Bank's rights and security under the Terms and Conditions.
17. For Personal Loan Consolidation ("PLC") applications, I:
  - a. Agree and confirm that I shall abide with the requirements of the PLC programme which has been offered to me by the staff of the Bank at the point of application for the PLC Facility;
  - b. Confirm that I have outstanding Credit Cards and/or Personal Loan facility(ies) equivalent to the Total Gross Debt Consolidation amount as provided in Part E of this application with the banks/financial institutions as specified in Part E of this application ("Financial Institution") and the amount to be released/disbursed/transferred by the Bank is to pay the Total Gross Debt Consolidation amount.
  - c. I am aware that under the PLC programme, I will not be eligible for any Cash Back campaign except where the PLC programme has been applied for in connection with Personal Loan Top Up or unless otherwise notified by the Bank;
  - d. Agree that the PLC Facility will be used to pay the Total Gross Debt Consolidation amount in the following manner:
    - i. Outstanding Credit Card balances; and/or

ii. Personal Loan Account

- e. In the event that the approved PLC Facility is sufficient to pay my Personal Loan facility(ies) as per Part E of the application as provided by me, I understand and agree that it is essentially my obligation to ensure that the Financial Institution(s) which granted the Personal Loan facility(ies) to me close my Personal Loan account(s) after the Bank has disbursed/release the PLC Facility to the respective Financial Institution(s) and I shall not hold the Bank liable in the event the Financial Institution(s) fail to close my Personal Loan account(s) for any reasons whatsoever.
  - f. Understand and agree that the total PLC will be capped at a maximum of five (5) accounts (Credit Card and/or Personal Loan) as provided in Part E of this application and the repayment tenure approved will be between two (2) to five (5) years;
  - g. Understand and agree that the effective interest rate shall be a maximum of 2% lower than the consolidated effective interest rate on the consolidated interest charges of my existing Personal Loan and/or Credit Card facilities;
  - h. Understand and agree that the minimum total PLC Facility approved is RM5,000 per customer and that each consolidation of outstanding debt with Financial Institution(s) is rounded to the nearest RM100. The PLC Facility approved shall be rounded upwards to the nearest RM1,000 and the monthly instalment is rounded to the nearest RM5;
  - i. Agree and authorize the Bank to disburse the PLC Facility to my Credit Card and/or Personal Loan balances in the sequence from No. 1 to No. 5 as set out in Part E of this application;
  - j. For Personal Loan outstanding, notwithstanding Clause 17(i) above, I hereby agree and understand that the Bank shall only disburse the PLC Facility in the event that the PLC Facility is sufficient to pay the "Amount to be Transferred" as provided by me in Part G of this application. If the approved PLC Facility is insufficient to pay any one of the Personal Loan stated in Part G of this application, the Bank shall not disburse the PLC Facility to pay the aforementioned Personal Loan, and the Bank shall instead disburse the PLC Facility to pay my other Personal Loan account(s) (provided the same can be paid in accordance with Clause 17(e) above based on the PLC Facility amount approved) and/or Credit Card balances (whether fully or partially depending on the PLC Facility amount approved) in the sequence from No. 1 to No.5 as set out in Part G of this application; I further agree and understand that the Bank relies on the "Amount To Be Transferred" and Total Gross Debt Consolidation amount as provided by me in Part G of this application and I shall not hold the Bank liable or responsible in the event that I am unable to close my Personal Loan account(s) with the Financial Institution(s) due to the reason that the PLC Facility is not sufficient to pay my Total Gross Debt Consolidation amount and/or the Total Gross Debt Consolidation amount is different or lower than the actual amount as recorded in the Financial Institution(s)' system.
  - k. Further, in the event that the PLC Facility is insufficient to pay the Total Gross Debt Consolidation amount, the Bank shall pay the Personal Loan account(s) and Credit Card outstanding, in the sequence from No. 1 to No. 5 as set out in Part G of this application.
  - l. Agree and authorize the Bank to pay my outstanding Credit Card (whether fully or partially) and Personal Loan balances first before disbursing the Extra Cash-out to my account as specified in this application, if Extra Cash-out is approved based on my eligibility and affordability;
  - m. Agree to bear all fees, charges and/or penalties imposed in connection with the settlement of my outstanding credit card and/or personal loan balances that may be imposed by the respective financial institutions which granted the credit facilities to me.
18. Confirm and acknowledge that I have read, understood and accepted the following, copies of which have been made available to me:
- Hong Leong Personal Loan Terms and Conditions; and
  - Personal Loan Product Disclosure Sheet.

I hereby confirm that I agree to receive e-Statement/e-Tax issued by the Bank and be bound by e-Statement and e-Tax invoice Facility Terms & Conditions.

I hereby declare that I have read, understood and accepted the contents of the Declaration stated in this application form.

**Foreign Exchange Notices - Declaration And Undertaking**

1. I further declare the information provided in this document, is true and accurate and in full compliance with the Foreign Exchange Rules.
2. I shall be fully responsible for any inaccurate, untrue or incomplete information provided.
3. I hereby authorise the Bank to make this information available to BNM in compliance with the Foreign Exchange Rules.
4. I hereby agree and give consent to the following:
  - (a) The Bank reserves the right to reject any payment request, instruction, order that is not in full compliance with the Foreign Exchange Rules.
  - (b) I shall indemnify and keep indemnified the Bank from and against all sums of money, actions, proceedings, suits, claims, demands, damages, costs, expenses, monetary penalty imposed by regulators and any other amount whatsoever claimed against the Bank resulting from a failure to comply with any terms & conditions stipulated herein.
  - (c) I shall disclose and furnish to the Bank any information/documents required or deemed necessary and to the satisfaction of the Bank in a timely manner within the period specified by the Bank, whether or not for the purposes of complying with the laws, rules, regulations, directives and guidelines of BNM and/or given, made or established by the Bank;
  - (d) Pending receipt of information by the Bank from me and until received and verified thereof to the satisfaction of the Bank and/or the relevant authorities, the Bank shall not be obliged to proceed with any transactions;
5. I hereby undertake to inform the Bank of any subsequent changes to the information stated herein.

#### **Customer Data Privacy Consent**

- a. declare that all information furnished to Hong Leong Bank Berhad/Hong Leong Islamic Bank Berhad (“HLB/HLISB”) are complete, true and correct and will immediately inform HLB/HLISB of any changes to the same;
- b. confirm that I have read and agreed to HLB/HLISB’s Privacy Notice\* as may be varied from time to time. I hereby agree and authorize the disclosure of my name and other contact details to companies within HLB/HLISB’s and/or Hong Leong Financial Group Berhad’s group of companies for marketing and for promotional purposes. Copies of the Privacy Notice are available upon request or from HLB/HLISB’s website. \*“Privacy Notice” shall mean HLB/HLISB’s policies and principles pertaining to the collection, use and storage of personal information of existing and prospective individuals and entities dealing with HLB/HLISB as may be amended from time to time and made available at Bank’s Website or in such manner as HLB/HLISB deems appropriate from time to time. To read and understand more about the HLB/HLISB Privacy Notice, please refer to the HLB/HLISB’s Website;
- c. declare that pursuant to the Credit Reporting Agencies Act 2010 (“CRA”), I, the undersigned, hereby irrevocably and unconditionally authorize CTOS Data Systems Sdn Bhd, Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd (formerly known as RAM Credit Information Sdn Bhd), Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd, FIS Data Reference Sdn Bhd, BASIS Corporation Sdn Bhd and Dun & Bradstreet Malaysia Sdn Bhd (each to be referred to herein as a “Credit Reporting Agency” and collectively, “Credit Reporting Agencies”) to process and disclose any of my personal information, my company/business information (if applicable) and credit information (as defined in the CRA), including credit information where I am a joint applicant or to which I am or have been linked (collectively referred to as “Credit Information”) and resides in the records of the Credit Reporting Agency or any information in the record of the Central Credit Bureau, Bank Negara Malaysia (“BNM”) (including any database or system established by BNM or any other governmental or regulatory authority or body, Cagamas Berhad and/or Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Inland Revenue Authorities or any authorities at any time in such manner as HLB/HLISB considers -appropriate (collectively referred to as “Credit Information”) to HLB/HLISB for the purposes which shall include but not be limited to the ones listed in HLB/HLISB’s Privacy Notice which is available upon request or on HLB/HLISB’s websites;
- d. declare that in connection with the Consent herein provided, I hereby authorize HLB/HLISB to provide the relevant Credit Reporting Agency with my personal details and my company/business (if applicable), as

provided below, to enable the Credit Reporting Agency to provide me with the relevant notification as required under the CRA;

- e. agree and confirm that I shall not hold HLB/HLISB liable or responsible for:
- i. Any statement, misstatement, inaccuracy or omission of any type or manner contained in the credit information, records and/or credit reports provided to HLB/HLISB by the relevant Credit Reporting Agency;
  - ii. HLB/HLISB's reliance on such credit information, records and/or credit reports provided by the relevant Credit Reporting Agency to arrive at a decision in relation to my application for credit and credit-related or other products or services of HLB/HLISB; and
  - iii. Any disclosure of my Credit Information by the relevant Credit Reporting Agency to any of the Credit Reporting Agency's other subscribers in connection with the credit reporting service provided.
- f. declare that this Consent shall be without prejudice to any other clause in the agreement governing the terms of the credit and credit-related or other products or services of HLB/HLISB which I have applied for herein and shall remain valid and binding against me so long as I remain a customer of HLB/HLISB and/or an/a outsourced service provider/vendor of HLB/HLISB (if applicable);
- g. irrevocably authorize and permit HLB/HLISB, its officers and employees to disclose and furnish all my information concerning this application, present and future accounts and any other matters relating to me or my company/business and operations (if applicable) to the persons/entities named in HLB/HLISB's Privacy Notice. I hereby irrevocably consent to such disclosure and confirm that save and except for damages arising directly from HLB/HLISB's wilful default or gross negligence, HLB/HLISB, its officers and employees shall be under no liability for furnishing such information or for the consequences of any reliance which may be placed on the information so furnished in accordance herein;
- h. consent to HLB/HLISB, or any of its affiliates, including branches to share my information with the tax authorities for the purpose of enabling HLB/HLISB, or any of its affiliates to comply with the requirements of the Foreign Account Tax Compliance Act ("FATCA") and Common Reporting Standard ("CRS") as may be stipulated by applicable laws, regulations, agreement or regulatory guidelines or directives.

Note: Customers who wish to opt-out from the sharing of their personal data within HLB/HLISB's and/or Hong Leong Financial Group Berhad's group of companies for marketing and promotional purposes are required to call our Call Centre at 03-7626 8899 to register their instructions to opt-out of the said sharing.

### **Deklarasi**

Saya dengan ini:

1. Memohon untuk Hong Leong Personal Loan/Personal Loan Consolidation/Personal Loan Top Up/Personal Loan Consolidation Top Up ("Kemudahan") seperti dinyatakan dalam borang permohonan ini;
2. Mengaku dan mengesahkan saya dengan ini jelas memahami bahawa bentuk permohonan yang telah dilengkapkan, ditandatangani, disalin dan dihantar melalui faks atau diimbas kepada Hong Leong Bank Berhad ("Pihak Bank") bagi permohonan Kemudahan tersebut akan dianggap sebagai bentuk asal untuk pengesahan dan pembayaran serta menjadi penerimaan saya terhadap Kemudahan ini sekiranya diluluskan oleh pihak Bank. Walau apa pun yang dinyatakan di atas, saya MESTI mengemukakan boring permohonan yang asal yang telah disempurnakan dan menyerahkannya kepada pihak Bank dengan segera atas permintaan pihak Bank. Kemudahan yang diluluskan dan telah dibayar mengikut arahan saya untuk pembayaran sebagaimana yang dinyatakan dalam permohonan saya untuk Kemudahan tersebut merupakan penerimaan saya bagi Kemudahan ini dan hendaklah tertakluk kepada Terma-terma dan Syarat-syarat ini. Untuk mengelakkan sebarang keraguan, sekiranya Kemudahan yang diluluskan adalah sama dengan Jumlah Pinjaman dalam Bahagian A boring permohonan ini, pihak Bank dengan ini diberi kuasa untuk membuat pelepasan bayaran Kemudahan ini tanpa memberi notis lanjut kepada saya. Saya memahami bahawa tandatangan digital saya yang dirakam di dalam peranti digital yang digunakan Bank telah disulitkan dan hanya digunakan untuk tujuan permohonan Kemudahan. Dengan tandatangan digital saya yang sedia ada ke atas permohonan-e, saya menerima dan bersetuju untuk terikat dengan terma dan syarat dan/atau sebarang terma dan syarat lain yang ditetapkan oleh Bank dari semasa ke semasa yang berkaitan dengan Kemudahan.

3. Memperakui bahawa semua maklumat yang diberikan kepada pihak Bank adalah lengkap, benar dan betul dan akan memaklumkan kepada pihak Bank jika terdapat sebarang perubahan mengenainya, dan memberi kebenaran dan kuasa kepada pihak Bank untuk mengesahkan dan mendapatkan sebarang maklumat lain daripada mana-mana sumber termasuk tetapi tidak terhad kepada CCRIS, FIS, CTOS atau mana-mana agensi rujukan kredit, Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa dan dengan apa jua cara dan pada bila-bila masa yang dianggap sesuai oleh pihak Bank;
4. Mengesahkan bahawa saya telah memaklumkan sepenuhnya kepada pihak Bank mengenai semua kemudahan pembiayaan yang saya miliki dengan semua penyedia perkhidmatan kewangan termasuk entiti bukan kewangan. Sebarang ketidaktepatan atau salah nyataan di dalam maklumat yang disediakan oleh saya tidak menyebabkan kegagalan pihak Bank untuk mematuhi Garis Panduan Bank Negara Malaysia (BNM). Pihak Bank berhak mengkaji semula, membatalkan dan/atau menamatkan Kemudahan yang diberikan kepada saya disebabkan oleh ketidaktepatan maklumat atau salah nyataan yang disediakan oleh saya, pada bila-bila masa mengikut budi bicaranya dan saya akan menanggung segala kerugian dan caj yang timbul akibat daripada maklumat yang tidak benar, tidak lengkap dan/atau tidak tepat;
5. Memberi kebenaran dan membenarkan tanpa boleh batal kepada pihak Bank, pegawai dan kakitangannya untuk mendedahkan dan menyediakan semua maklumat saya yang berkaitan dengan Kemudahan, Permohonan ini, akaun sedia ada dan akan datang dan sebarang perkara lain yang berkaitan dengan saya atau perniagaan dan operasi saya kepada:
  - a. Institusi kewangan lain yang memberi atau bercadang untuk memberi sebarang kemudahan kredit kepada saya, Biro Kredit atau mana-mana biro kredit pusat yang ditubuhkan oleh BNM, Cagamas Berhad, Credit Guarantee Corporation, mana-mana pihak berkuasa/agensi berkaitan yang ditubuhkan oleh Persatuan Bank-bank Malaysia;
  - b. Sebarang perbadanan semasa atau akan datang yang mungkin bersekutu atau berkait dengan pihak Bank (sebagaimana ditakrifkan di bawah Akta Syarikat 2016), termasuk wakil dan pejabat cawangan serta subsidiari syarikat pegangan pihak Bank;
  - c. Pihak Cagaran atau mana-mana pihak yang bercadang untuk menyediakan cagaran berkaitan dengan Kemudahan;
  - d. Juruaudit pihak Bank, peguamcara dan/atau agen lain berhubung mendapatkan semula wang yang perlu dan akan dibayar di sini; dan
  - e. Penasihat profesional, penyedia perkhidmatan, penama, agen, kontraktor atau penyedia perkhidmatan pihak ketiga Bank yang terlibat di dalam peruntukan produk dan perkhidmatan kepada atau oleh pihak Bank dan syarikat bersekutu atau berkaitnya.

Saya dengan ini memberi kebenaran tidak boleh batal berhubung pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa pihak Bank, pegawai dan kakitangannya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas penyediaan maklumat tersebut atau untuk akibat daripada sebarang pergantungan yang mungkin diletakkan ke atas maklumat tersebut yang telah disediakan berdasarkan Terma dan Syarat ini.

6. Mengakui bahawa saya tidak ada sebarang keingkaran untuk sebarang akaun dengan pihak Bank atau mana-mana institusi kewangan lain dan membenarkan pihak Bank menghubungi institusi kewangan berkenaan mengenai sebarang sejarah bayaran lewat saya;
7. Mengakui bahawa saya bukan seorang muflis, bahawa tidak ada sebarang tindakan kemuflian dilakukan oleh saya dan tidak ada sebarang tindakan undang-undang atau prosiding yang belum selesai, sedang dilaksanakan atau perintah kemuflian diperolehi terhadap saya;
8. Mengesahkan dan memahami bahawa pihak Bank berhak untuk menolak permohonan saya tanpa memberi sebarang sebab;
9. Mengakui bahawa saya memahami bahawa permohonan saya untuk Kemudahan akan tertakluk kepada Terma dan Syarat, Salinan mengenainya telah disediakan kepada saya dan juga boleh diperolehi di laman sesawang pihak Bank di [www.hlb.com.my](http://www.hlb.com.my) dan bahawa saya telah membaca dan memahami Terma dan Syarat tersebut serta bersetuju untuk terikat dan mematuhiinya;
10. Memahami bahawa pihak Bank berhak untuk mengubah Kadar Faedah Ditetapkan yang tertakluk kepada keputusan akhir pihak Bank. Saya juga memahami bahawa Kadar Faedah Ditetapkan Muktamad akan dimaklumkan kepada saya sebelum pelepasan bayaran Kemudahan dibuat ke dalam akaun saya yang dinyatakan dalam permohonan ini;



11. Memahami dan bersetuju bahawa pihak Bank mungkin meluluskan Kemudahan untuk nilai atau tempoh yang lebih rendah dari yang saya mohon;
12. Bersetuju dan membenarkan pihak Bank menolak duti setem yang perlu dibayar atas Kemudahan serta sebarang yuran dan caj lain yang dikenakan ke atas Kemudahan sebelum membayar baki amaun Kemudahan yang diluluskan menggunakan kaedah pelepasan bayaran yang dipilih oleh saya dalam permohonan ini;
13. Mengaku janji untuk membayar kepada pihak Bank ansuran bulanan berdasarkan amaun Kemudahan yang diberikan pada tarikh yang ditetapkan dan pada Kadar Faedah Ditentukan yang tertera dalam Jadual Pembayaran Balik Bank yang akan dihantar kepada saya, serta semua yuran dan caj berkenaan di bawah Terma dan Syarat ini;
14. Mengesahkan dan mengakui bahawa butiran akaun yang dinyatakan dalam Butiran Pelepasan Bayaran pada permohonan ini untuk tujuan penerimaan Amaun Kemudahan adalah akaun peribadi saya dan jika maklumat yang diberikan di sini adalah tidak benar/tidak tepat yang menyebabkan berlaku kesilapan dalam pelepasan bayaran Kemudahan atau sebarang perkaratan berkaitan dengannya, saya akan bertanggungjawab mengenainya dan memberi indemniti kepada pihak Bank atas kerugian dan caj;
15. Mengesahkan bahawa sekiranya tempoh pembiayaan berlanjutan hingga umur persaraan saya, saya menyedari bahawa saya bertanggungjawab untuk memastikan saya mempunyai pelan persaraan yang mencukupi untuk memenuhi keperluan pembayaran pembiayaan.
16. Memperakui dan bersetuju bahawa permohonan ini, Terma dan Syarat, tersebut; Jadual Pembayaran Balik Bank dan semua dokumen lain yang dikeluarkan oleh pihak Bank yang berkaitan dengan Kemudahan akan membentuk dan menjadi satu perjanjian tunggal yang dimeterai oleh saya dengan pihak Bank; Memahami dan bersetuju bahawa jika Kejadian Keingkaran (seperti yang diperuntukkan dalam Klausula 11 Terma dan Syarat) berlaku:
  - a. Pihak Bank berhak mengambil tindakan sedemikian (sama ada dengan sendirinya atau melalui agennya) yang sesuai terhadap saya untuk pemulihan semua jumlah yang terhutang dan tertunggak di bawah Kemudahan dan/atau menjual akaun saya, sekiranya akaun saya diklasifikasikan sebagai tertunggak atau terjejas oleh pihak Bank, kepada pihak ketiga sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh pihak Bank mengikut budi bicara mutlaknyanya; dan
  - b. Jika saya gagal, mengabaikan dan/atau tidak bertindak balas terhadap notis dan/atau komunikasi yang dikeluarkan oleh pihak Bank berhubung dengan keingkaran saya bagi Kemudahan ini, mengikut Terma dan Syarat ini, saya dengan ini bersetuju dan membenarkan pihak Bank, pegawai, kakitangan, wakil dan/atau ejennya untuk melawat mana-mana lokasi yang diketahui oleh pihak Bank di mana saya mungkin berada, termasuk tetapi tidak terhad kepada tempat bekerja/berniaga saya seperti mana yang dianggap perlu dan wajar oleh pihak Bank untuk tujuan mengekalkan dan/atau menguatkuasakan hak dan sekuriti pihak Bank di bawah Terma dan Syarat Kemudahan ini.
17. Bagi permohonan Penggabungan Pinjaman Peribadi ("PLC"), saya:
  - a. bersetuju dan mengesahkan bahawa saya akan mematuhi kehendak-kehendak program PLC yang ditawarkan oleh pekerja bank kepada saya ketika memohon Kemudahan PLC;
  - b. mengesahkan bahawa saya mempunyai Kad-kad Kredit dan/atau kemudahan Pinjaman Peribadi belum selesai yang setara dengan Jumlah Amaun Penggabungan Hutang Kasar seperti disebutkan dalam Bahagian E permohonan ini dengan bank/institusi kewangan seperti ditentukan dalam Bahagian E permohonan ini ("Institusi Kewangan") dan amaun yang bakal dikeluarkan/ dibayar/dipindahkan oleh Bank adalah untuk menjelaskan Jumlah Amaun Penggabungan Hutang Kasar.
  - c. sedar bahawa menurut program PLC, saya tidak akan layak menyertai kempen Pulangan Tunai kecuali jika program PLC telah dimohon bersabit dengan Tambahan Pinjaman Peribadi atau melainkan diberitahu sebaliknya oleh Bank;
  - d. bersetuju bahawa Kemudahan PLC akan digunakan untuk menjelaskan Jumlah Amaun Penggabungan Hutang Kasar seperti berikut:
    - i. baki Kad Kredit belum selesai; dan/atau
    - ii. Akaun Pinjaman Peribadi

- e. sekiranya Kemudahan PLC yang diluluskan tidak cukup untuk menjelaskan kemudahan Pinjaman Peribadi saya menurut Bahagian E permohonan seperti yang saya sebutkan, saya faham dan bersetuju bahawa pada dasarnya saya bertanggungjawab bagi memastikan Institusi Kewangan yang memberi saya kemudahan Pinjaman Peribadi menutup akaun Pinjaman Peribadi saya selepas Bank membayar/mengeluarkan Kemudahan PLC kepada Institusi Kewangan berkenaan dan saya tidak akan mempertanggungjawabkan Bank sekiranya Institusi Kewangan itu gagal menutup akaun Pinjaman Peribadi saya atas apa jua sebab sekalipun.
  - f. faham dan bersetuju bahawa jumlah PLC akan dihadkan setakat lima (5) akaun (Kad Kredit dan/atau Pinjaman Peribadi) seperti disebutkan dalam Bahagian E permohonan ini dan tempoh bayaran balik yang diluluskan adalah antara dua (2) hingga lima (5) tahun;
  - g. faham dan bersetuju bahawa kadar faedah efektif adalah maksimum 2% lebih rendah daripada kadar faedah efektif disatukan atas bayaran faedah disatukan bagi kemudahan Pinjaman Peribadi dan/atau kemudahan Kad Kredit sedia ada saya;
  - h. faham dan bersetuju bahawa jumlah Kemudahan PLC minimum yang diluluskan ialah RM5,000 setiap pelanggan dan setiap penggabungan hutang belum selesai dengan Institusi Kewangan dikenakan kepada RM100 terdekat. Kemudahan PLC yang diluluskan hendaklah dikenakan secara menaik kepada RM1,000 terdekat dan ansuran bulanan dikenakan kepada RM5 terdekat;
  - i. bersetuju dan membenarkan Bank membayar Kemudahan PLC kepada baki Kad Kredit dan/atau baki Pinjaman Peribadi saya secara berurutan dari No. 1 hingga No. 5 seperti dinyatakan dalam Bahagian E permohonan ini;
  - j. bagi Pinjaman Peribadi belum selesai, tanpa mengesampingkan Fasal 17(i) di atas, saya dengan ini bersetuju dan faham bahawa Bank hanya akan membayar Kemudahan PLC sekiranya Kemudahan PLC cukup untuk membayar "Amaun Yang Hendak Dipindahkan" seperti yang saya sebutkan dalam Bahagian G permohonan ini. Jika Kemudahan PLC yang diluluskan itu tidak cukup untuk membayar mana-mana satu Pinjaman Peribadi yang dinyatakan dalam Bahagian G permohonan ini, maka Bank tidak akan membayar Kemudahan PLC untuk menjelaskan Pinjaman Peribadi yang disebutkan tadi, sebaliknya Bank hendaklah membayar Kemudahan PLC untuk menjelaskan akaun Pinjaman Peribadi saya yang lain (dengan syarat hal yang sama itu boleh dijelaskan menurut Fasal 17(e) di atas berdasarkan amaun Kemudahan PLC yang diluluskan) dan/atau baki Kad Kredit (sama ada penuh atau sebahagian bergantung kepada amaun Kemudahan PLC yang diluluskan) secara berurutan dari No.1 hingga No.5 seperti dinyatakan dalam Bahagian G permohonan ini; Saya juga bersetuju dan faham bahawa Bank bergantung kepada "Amaun Yang Hendak Dipindahkan" dan Jumlah Amaun Penggabungan Hutang Kasar seperti yang saya sebutkan dalam Bahagian G permohonan ini dan saya tidak akan mempertanggungjawabkan Bank sekiranya saya tidak dapat menutup akaun Pinjaman Peribadi saya dengan Institusi Kewangan disebabkan Kemudahan PLC tidak cukup untuk menjelaskan Jumlah Amaun Penggabungan Hutang Kasar saya dan/atau Jumlah Amaun Penyelesaian Hutang Kasar adalah berbeza atau lebih rendah daripada amaun sebenar seperti yang tercatat dalam sistem Institusi Kewangan.
  - k. seterusnya, sekiranya Kemudahan PLC tidak cukup untuk menjelaskan Jumlah Amaun Penggabungan Hutang Kasar, maka Bank hendaklah menyelesaikan akaun Pinjaman Peribadi dan Kad Kredit belum selesai, secara berurutan dari No. 1 hingga No. 5 seperti dinyatakan dalam Bahagian G permohonan ini.
  - l. bersetuju dan membenarkan Bank menjelaskan baki Kad Kredit (sama ada penuh atau sebahagian) dan baki Pinjaman Peribadi saya yang belum selesai terlebih dahulu sebelum membayar Wang-keluar Lebihan kepada akaun saya seperti yang ditentukan dalam permohonan ini, jika Wang-keluar Lebihan diluluskan berdasarkan kelayakan dan kemampuan saya;
  - m. bersetuju untuk menanggung segala fi, caj dan/atau penalti yang dikenakan bersabit dengan penyelesaian baki kad kredit dan/atau baki pinjaman peribadi saya yang belum selesai yang mungkin dikenakan oleh institusi-institusi kewangan berkenaan yang memberi saya kemudahan kredit.
18. Mengesahkan dan mengakui bahawa saya telah membaca, memahami dan menerima yang berikut, yang mana salinannya telah disediakan kepada saya:
- Terma-terma dan Syarat-syarat Pinjaman Peribadi Hong Leong; dan
  - Helaian Makluman Produk Pinjaman Peribadi.



Saya dengan ini memperakui bahawa saya telah membaca, memahami dan menerima kandungan Deklarasi yang dinyatakan dalam borang permohonan ini.

Saya dengan ini memperakui bahawa saya bersetuju menerima e-penyata/e-invois cukai yang dikeluarkan oleh pihak bank dan menerima Terma-terma dan Syarat-syarat Kemudahan e-Penyata/e-Invois Cukai.

### **Notis Pentadbiran Pertukaran Asing - deklarasi dan pengakuan**

1. Saya dengan ini mengisytiharkan bahawa maklumat yang diberikan dalam dokumen ini, adalah benar dan tepat dan mematuhi Peraturan Pertukaran Asing.
2. Saya bertanggungjawab sepenuhnya terhadap sebarang maklumat yang tidak tepat, tidak benar atau maklumat yang diberikan tidak lengkap.
3. Saya dengan ini memberi membenarkan pihak Bank menyerahkan maklumat ini kepada BNM bagi mematuhi Peraturan Pertukaran Asing.
4. Saya dengan ini bersetuju dan membenarkan yang berikut:
  - a. Pihak Bank berhak menolak permintaan, arahan, perintah pembayaran yang tidak mematuhi sepenuhnya Peraturanperaturan Pentadbiran Pertukaran Asing;
  - b. Saya akan memberi indemniti berlanjutan kepada pihak Bank atas kesemua jumlah wang, tindakan, prosiding, saman, tuntutan, permintaan, kerosakan, kos, perbelanjaan, penalty kewangan yang dikenakan oleh pegawai selia dan apa jua jumlah tuntutan lain terhadap pihak Bank akibat kegagalan mematuhi sebarang terma-terma dan syarat-syarat yang tertera di sini;
  - c. Saya akan memdedahkan dan memberikan segala maklumat/dokumen yang diperlukan atau dianggap perlu kepada pihak Bank dengan menepati jangka waktu yang ditentukan oleh pihak Bank bagi memuaskan sama ada untuk tujuan mematuhi undang-undang, peraturan, pengawalan, arahan dan garis panduan BNM dan/ atau yang diberikan, dibuat atau ditubuhkan oleh pihak Bank;
  - d. Sementara menunggu penerimaan maklumat oleh pihak Bank dari saya dan sehingga diterima dan disah memuaskan oleh pihak Bank dan/ atau pihak berkuasa yang berkenaan, pihak Bank tidak berkewajiban untuk melakukan sebarang transaksi;
5. Saya dengan ini memberi aku janji untuk memaklumkan kepada pihak Bank sekiranya terdapat sebarang perubahan terhadap maklumat yang dinyatakan di sini.

### **Persetujuan Privasi Data Pelanggan**

- a. mengisytiharkan bahawa semua maklumat yang diberikan kepada Hong Leong Bank Berhad/Hong Leong Islamic Bank Berhad ("HLB/HLISB") adalah lengkap, benar dan betul dan akan segera memaklumkan HLB/HLISB tentang sebarang perubahan maklumat ini;
- b. mengesahkan bahawa saya telah membaca dan bersetuju dengan Notis Privasi HLB/HLISB \* yang mungkin berbeza dari semasa ke semasa. Saya dengan ini bersetuju dan membenarkan pendedahan nama saya dan maklumat perhubungan lain kepada syarikat-syarikat dalam kumpulan syarikat HLB/HLISB dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad untuk tujuan pemasaran dan promosi. Salinan Notis Privasi disediakan apabila diminta atau boleh didapati di laman web HLB/HLISB. \*"Notis Privasi" bermaksud dasar dan prinsip HLB/HLISB yang berkaitan dengan pengumpulan, penggunaan dan penyimpanan maklumat peribadi individu dan entiti yang sedia ada dan yang berpotensi yang berurusan dengan HLB/HLISB sebagaimana yang dipinda dari semasa ke semasa dan disediakan di Laman Web Bank atau dalam cara yang difikirkan sesuai oleh HLB/HLISB dari semasa ke semasa. Untuk membaca dan memahami lebih lanjut tentang Notis Privasi HLB/HLISB, sila rujuk Laman Web HLB/HLISB;

- c. mengisytiharkan bahawa menurut Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 (“CRA”), saya, yang bertandatangan di bawah ini, dengan ini tanpa boleh ditarik balik dan secara tanpa syarat memberi kebenaran kepada CTOS Data Systems Sdn Bhd, Experian Information Services (Malaysia) Sdn. Bhd (sebelumnya dikenali sebagai RAM Credit Information Sdn Bhd), Credit Bureau Malaysia Sdn Bhd, FIS Data Reference Sdn Bhd, BASIS Corporation Sdn Bhd dan Dun & Bradstreet Malaysia Sdn Bhd (masing-masing dirujuk sebagai “Agensi Pelaporan Kredit” dan secara kolektif, “Agensi-agensi Pelaporan Kredit”) untuk memproses dan mendedahkan apa-apa maklumat peribadi saya, maklumat syarikat/perniagaan saya (jika berkenaan) dan maklumat kredit (seperti yang ditakrifkan dalam CRA), termasuk maklumat kredit di mana saya adalah pemohon bersama atau dengan siapa saya dikaitkan atau telah dikaitkan (disebut secara kolektif sebagai “Maklumat Kredit”) dan terdapat dalam rekod Agensi Pelaporan Kredit atau sebarang maklumat dalam rekod Biro Kredit, Bank Negara Malaysia (“BNM”) (termasuk sebarang pangkalan data atau sistem yang dibentuk oleh BNM atau mana-mana pihak berkuasa atau badan kerajaan atau kawal selia, Cagamas Berhad dan/atau Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad, Lembaga Hasil Dalam Negeri atau mana-mana pihak berkuasa pada bila-bila masa seperti yang difikirkan sesuai oleh HLB/HLISB (secara kolektif dirujuk sebagai “Maklumat Kredit”) kepada HLB/HLISB bagi tujuan yang termasuk tetapi tidak terhad kepada yang disenaraikan dalam Notis Privasi HLB/HLISB yang disediakan apabila diminta atau pada laman web HLB/HLISB;
- d. mengisytiharkan bahawa berhubung dengan Persetujuan yang diberikan di sini, saya dengan ini memberi kebenaran kepada HLB/HLISB untuk memberi maklumat peribadi saya dan syarikat/perniagaan saya (jika berkenaan) kepada Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan, seperti yang diperuntukkan di bawah, untuk membolehkan Agensi Pelaporan Kredit memberi saya dengan pemberitahuan yang berkaitan seperti yang diperlukan di bawah CRA;
- e. bersetuju dan mengesahkan bahawa saya tidak akan mempertanggungjawabkan HLB/HLISB atas:
- Sebarang pernyataan, salah nyata, ketidaktepatan atau peninggalan apa-apa jenis atau cara yang terkandung dalam maklumat kredit, rekod dan/atau laporan kredit yang diberikan kepada HLB/HLISB oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkaitan;
  - Kebergantungan HLB/HLISB terhadap maklumat kredit, rekod dan/atau laporan kredit yang telah disediakan oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan dalam membuat keputusan berhubung dengan permohonan saya untuk kemudahan kredit dan kemudahan berkaitan kredit atau produk atau perkhidmatan HLB/HLISB yang lain; dan
  - Sebarang pendedahan Maklumat Kredit saya oleh Agensi Pelaporan Kredit yang berkenaan kepada mana-mana pelanggan Agensi Pelaporan Kredit yang lain berhubung dengan perkhidmatan pelaporan kredit yang disediakan.
- f. mengisytiharkan bahawa Persetujuan ini hendaklah tanpa prasangka terhadap klausa lain dalam perjanjian yang mentadbir syarat-syarat kredit dan berkaitan kredit atau produk atau perkhidmatan HLB/HLISB lain yang saya telah memohon di sini dan hendaklah kekal sah dan mengikat terhadap saya selagi saya kekal menjadi pelanggan HLB/HLISB dan/atau penyedia perkhidmatan/vendor luar HLB/HLISB (jika berkenaan);
- g. tanpa boleh ditarik balik memberi kuasa dan membenarkan HLB/HLISB, para pegawai dan pekerjaannya untuk mendedahkan dan memberikan semua maklumat saya berkaitan permohonan ini, akaun sekarang dan masa depan dan apa-apa perkara lain yang berkaitan dengan saya atau syarikat/perniagaan dan operasi saya (jika berkenaan) ) kepada orang/entiti yang dinamakan dalam Notis Privasi HLB/HLISB. Saya dengan ini dan tanpa boleh ditarik balik bersetuju dengan pendedahan tersebut dan mengesahkan bahawa kecuali dan melainkan kerosakan yang timbul secara langsung akibat kemungkiran atau kecuai melampau yang disengajakan oleh HLB/HLISB, para pegawai dan pekerjaannya tidak akan dipertanggungjawabkan atas penyediaan maklumat tersebut atau akibat daripada apa-apa pergantungan yang boleh diletakkan pada maklumat yang diberikan menurut perakuan ini;
- h. memberi persetujuan kepada HLB/HLISB, atau mana-mana gabungannya, termasuk cawangan untuk berkongsi maklumat saya dengan pihak berkuasa cukai dengan tujuan untuk membolehkan HLB/HLISB, atau mana-mana gabungannya mematuhi syarat-syarat Akta Pematuhan Cukai Akaun Asing (“FATCA”) dan Standard Pelaporan Bersama (“CRS”) sebagaimana yang ditentukan oleh undang-undang, peraturan, perjanjian atau garis panduan atau arahan kawal selia yang terpakai.

Nota : Peminjam yang memilih untuk tidak berkongsi data peribadi mereka dalam HLB/HLISB dan/atau Hong Leong Financial Group Berhad untuk tujuan pemasaran dan promosi perlu menghubungi Pusat Panggilan kami di 03-7626 8899 untuk mendaftar arahan keluar dari perkongsian tersebut.